

Perutusan'07
NAIB CANSOLOR
DATUK PROF. IR. ISMAIL BIN HASSAN

Cetakan Pertama 2008

ISBN 983-2948-02-9

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Penerbit Universiti

Kampus Bandar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Blok B, Tingkat 1, Jalan Hang Tuah

73500 Melaka, Malaysia

Tel: 06-2833346 Faks: 06-2833019



KANDUNGAN

| | |
|---|----|
| PENJENAMAAN SEMULA UNIVERSITI | 6 |
| TEMA TAHUN 2007 | 8 |
| PELAN STRATEGIK 2006 - 2010 | 10 |
| AKADEMIK | 12 |
| PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN (R&D&C) | 22 |
| PENGANTARABANGSAAN | 24 |
| HUBUNGAN UNIVERSITI INDUSTRI | 28 |
| PUSAT PEMBUATAN TERMAJU | 30 |
| KOMPLEKS PEMBUATAN DAN LATIHAN | 32 |
| PENUBUHAN SYARIKAT HOLDINGS | 34 |
| HAL EHWAL PELAJAR | 36 |
| SUMBER MANUSIA | 38 |
| PEMBANGUNAN KAMPUS | 40 |
| ISU & CABARAN | 42 |
| PENUTUP | 45 |

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Y.Bhg. Prof. Dr. Abu bin Abdullah,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Y. Bhg. Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd Diah, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain,
Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
Pegawai-Pegawai Kanan,
Wakil-wakil media,
Yang DiPertua dan Anggota Barisan Majlis Perwakilan Pelajar,
Dan semua staf UTeM yang dihormati sekalian.
Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan inayahNya, kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi ini untuk majlis **Perutusan Tahunan Naib Canselor** bagi tahun 2007. Majlis ini memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan maklumat penting kepada semua staf berkenaan perancangan Universiti bagi tahun 2007 setelah mengimbas kejayaan yang dicapai pada tahun 2006.





Perutusan'07
NAIB CANSOLOR

Penjenamaan Semula UNIVERSITI

Tahun 2007 amat bersejarah bagi kita semua kerana mulai 1 Februari, nama Universiti telah diubah dari “Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM)” kepada “Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)”.

Dengan nama baru ini, kita telah menyelesaikan banyak masalah akibat kekeliruan dan salah faham terhadap status kolej universiti yang dikatakan bukan bertaraf universiti penuh. Sempena nama baru ini, kita berazam menjadikan kemajuan yang telah dicapai sebelum itu sebagai asas untuk melonjak ke tahap kemajuan yang lebih tinggi.

Kita menjangka akan dapat menarik lebih ramai pelajar cemerlang khususnya mereka yang bercita-cita menjadi ahli profesional kompeten dan berkaliber tinggi dalam bidang teknikal.



Kita juga berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menjalin hubungan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi ternama di dunia.


Nama baru Universiti akan memberi banyak faedah dan kebaikan kepada kita dan seharusnya kita menggunakan segala kesempatan yang ada untuk meningkatkan profil Universiti supaya dikenali dan disegani di peringkat antarabangsa.





Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





Tema Tahun 2007

Sebagai usaha untuk menyemarakkan semangat dan memberi fokus utama kepada fungsi teras Universiti, kita telah memilih tema yang dikira sungguh sesuai bagi tahun ini iaitu “**Pembudayaan Kecemerlangan Akademik**”. Ini bermakna kita akan meningkatkan kesedaran terhadap betapa pentingnya berusaha ke arah mencapai kecemerlangan akademik dan seterusnya menggalakkan program dan aktiviti yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik.

Budaya kerja cemerlang sudah ditekankan kepada seluruh warga Universiti dan tema tahun ini mencerminkan hasrat kita untuk menerap, memupuk dan meningkatkan budaya yang membawa kepada kecemerlangan akademik. Kita perlu melaksanakan amalan terbaik (*best practices*) dan menghidupkan suasana kampus dengan pelbagai program dan aktiviti akademik berkualiti.



Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

PELAN STRATEGIK 2006-2010

Universiti telah menyediakan Dokumen Pelan Strategik 2006 – 2010 yang menjadi rujukan dalam merancang dan melaksana pelan tindakan tahunan bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Ini bagi memastikan segala matlamat yang telah ditetapkan bersama tercapai.

Pada tahun 2007 ini, UTeM akan membina kekuatan di atas pelbagai kemajuan yang telah dicapai di samping menempa kemajuan baru. Alhamdulillah, kita dibekalkan dengan bajet pengurusan yang memberi kita banyak ruang untuk bergerak. Kita perlu terus bijak membelanjakan peruntukan yang diterima dengan berhemah dan mengelakkan pembaziran dan dalam masa yang sama menghasilkan faedah optimum.

Kita juga selesa dengan bajet pembangunan yang telah diperuntukkan pada tahun 2006. Pada tahun 2007 kita menjangka akan menerima lagi peruntukan. Sepatutnya kita tiada masalah dari segi kewangan untuk melaksanakan pembangunan kampus mengikut perancangan.

Satu bengkel telah diadakan pada 21 hingga 23 Disember 2006 di Port Dickson di mana pencapaian setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) untuk tahun 2006 dan sasaran pencapaian bagi tahun 2007 dibentang. Bengkel yang serupa juga akan diadakan pada bulan Disember 2007.







Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

AKADEMIK

Akreditasi dan Pengiktirafan

Majlis Konvokesyen Kedua telah diadakan pada 5 dan 6 Ogos 2006. Pada konvokesyen tersebut, seramai 997 graduan KUTKM telah dianugerah Ijazah Sarjana Muda (730), Diploma (266), dan Sarjana (1). Dengan itu jumlah bilangan graduan yang telah dilahirkan ialah 1469 iaitu Sarjana Muda (970), Diploma (497), dan Sarjana (2).

Semua program akademik yang diikuti kumpulan graduan tersebut telah mendapat akreditasi Lembaga Jurutera Malaysia dan / atau Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pada tahun 2006, 4 program mendapat akreditasi iaitu;

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal Bendalir)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Proses Pembuatan)

Majlis Konvokesyen Tahun 2007 dijadualkan pada 4, 5 dan 6 Ogos dan bitangan bakal graduan yang akan dilahirkan UTeM ialah 1409 termasuk 3 sarjana.



Pada tahun 2007, ada 7 program sarjana muda yang akan menjalani penilaian untuk akreditasi dan pengiktirafan, iaitu:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik Kuasa dan Pemacu)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kawalan, Instrumentasi dan Automasi)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk dan Inovasi)

- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Pembuatan)
- Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik dan Automasi).

Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi akan menyelaraskan proses akreditasi, manakala fakulti mestilah menentukan semua keperluan untuk mendapatkan akreditasi dipenuhi termasuk nisbah pensyarah: pelajar, kemudahan pengajaran dan pembelajaran, dan kualiti.



Perutusan'07

NAIB CANSOLOR

Program Baru

Pada tahun 2006, bilangan program akademik yang ditawarkan ialah;

- 20 program Sarjana Muda
- 5 program Diploma
- Program Sarjana Melalui Penyelidikan
- Program Doktor Falsafah Melalui Penyelidikan
- 2 Program MBA Secara Kursus
- 2 Program Sarjana Secara Bersama Dengan Coventry University

Kita telah mendapat kelulusan untuk menawarkan 2 program baru pada tahun 2007 iaitu:

- Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarles)
- Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan).

Fakulti Baru

Kita telah membuat permohonan untuk menubuhkan satu fakulti baru pada tahun 2007 iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi yang akan menawarkan dua program iaitu:

- Sarjana Muda Pengurusan Teknologi
- Sarjana Muda Keusahawanan Teknologi.

Bagaimanapun, proses untuk mendapatkan kelulusan masih sedang berjalan. Fakulti baru ini akan diletakkan di Kampus Bandar.






Persidangan dan Seminar

Pada tahun 2006, KUTKM telah menganjurkan 2 persidangan atau seminar peringkat kebangsaan iaitu:

- Seminar Kebangsaan Sains Dan Aplikasi Sains Dalam Industri, pada 14-15 Februari
- Persidangan Rekabentuk Kejuruteraan (DECON) pada 9-10 Ogos.





Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





Pelbagai aktiviti akademik perlu dipertingkatkan pada tahun 2007 selaras dengan tema "Pembudayaan Kecemerlangan Akademik". Antara yang dirancang ialah:

- Seminar Industri, Mac
- Seminar Kesedaran Harta Intelek dan Pengkomersilan, Jun
- Persidangan Pengkomersilan R&D di kalangan Usahawan Kecil dan Sederhana, September
- Persidangan Antarabangsa IPTA dan Pelajar Siswazah, Oktober
- Persidangan Antarabangsa Dalam Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, November.

Sebagai usaha menyemarakkan lagi aktiviti akademik, setiap fakulti disarankan mengadakan seminar berkala yang memberi peluang kepada penyelidik membentangkan kemajuan projek yang dijalankan, di samping boleh membantu meningkatkan kemahiran dalam pembentangan, iaitu satu aspek kemahiran komunikasi.

Di samping itu, pada tahun ini juga kita akan memulakan siri Syarahan Profesor, yang telah tertangguh.

Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Pada 1 Disember 2006, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) telah ditubuhkan sebagai pengganti Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA).

Staf PPA di bawah Jabatan Sains dan Matematik telah diserapkan ke fakulti manakala yang lainnya dipindahkan ke PBPI.



Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





PBPI mempunyai peranan penting dalam tugas meningkatkan kemahiran “*soft skills*” di kalangan pelajar untuk melahirkan pelajar yang lebih seimbang dan oleh itu mempunyai nilai tinggi seperti dihajati oleh majikan.

PBPI bertanggungjawab antara lain melaksanakan program bahasa meliputi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dan juga bahasa lain yang difikirkan semakin penting dikuasai dalam dunia global hari ini. Pada tahun 2007, Jabatan Bahasa akan mula menawarkan program Bahasa Arab, Mandarin, Jepun dan Jerman.

Pembangunan “Soft Skills”

Program pembangunan “soft skills” secara bersepadu bagi pelajar dimulakan pada Semester 2 Sesi 2006/07 atas saranan Menteri Pengajian Tinggi sendiri dan beliau amat berminat untuk melihat hasilnya di kalangan graduan yang pertama mengikuti program tersebut.

Semua program akademik juga dilaksanakan mengikut kaedah Outcome Based Education (OBE) yang menerapkan pelbagai kemahiran. Diharap semua fakulti menentukan pelaksanaannya adalah mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan, supaya tiada masalah timbul berkaitan akreditasi dan kita dapat melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri yang dikehendaki.



Perutusan'07

NAIB CANSOLOR

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

Tugas membina dan meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran diletak di bawah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP). Pada tahun 2006, pusat ini telah melaksanakan 11 kursus dan bengkel. Pada tahun 2007 pula sebanyak 17 kursus dan bengkel akan dilaksanakan.

Sebagai meringankan sedikit beban staf akademik, pihak PPP diminta membuat penyelarasan dengan Pejabat Pendaftar yang mengendalikan kursus PTK supaya tiada pertindihan.

Penulisan dan Penerbitan

Dalam tahun 2006, dua buah buku telah diterbitkan hasil karya staf akademik iaitu:

- Pengantar Mesin Elektrik – Prof. Dr. Marizan Sulaiman, FKE
- Managing IT in Organisation: A Multiperspective Framework – Prof. Dr. Mokhtar Mohd Yusof, FTMK.





Penerbitan *Journal of Technology Management and Entrepreneurship* diteruskan dengan Edisi 4 dan 5. Jurnal ini bertaraf antarabangsa dengan muatan makalah berkualiti dari dalam dan luar negara.

Di samping itu sebanyak 9 kertas kerja telah dibentang di persidangan antarabangsa dan 138 kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan.

Aktiviti penulisan kertas kerja dan buku terutamanya karya asli amat penting dalam kerjaya akademik dan oleh itu perlu dipertingkatkan pada tahun 2007. Pada tahun ini, sebuah lagi jurnal ilmiah boleh dimulakan iaitu merangkumi bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat.

Penerbitan 2 buku dalam satu tahun tidak mencukupi. Sebagai permulaan, tenaga pengajar digalakkan menghasilkan monograf berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar, yang akhirnya boleh dijadikan buku teks.

Disebabkan kekangan bajet, pembentangan kertas kerja di luar negara agak terbatas. Dari itu, keutamaan diberi kepada persidangan profil tinggi. Yang perlu lebih diberi tumpuan ialah sumbangan kertas kerja berkualiti tinggi dalam jurnal terkemuka dan diiktiraf.



Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN & PENGKOMERSIALAN

Geran Penyelidikan

Pada tahun 2006, jumlah geran yang diperuntukkan oleh Universiti ialah RM2 juta. Selain daripada ini, 2 projek mendapat geran IRPA RM748,000. Menjelang akhir tahun pula, 2 projek mendapat geran Science Fund sebanyak RM369,350 dan 4 projek mendapat geran FRGS RM110,331.

Pada tahun 2007, Pusat Universiti Industri (UNIC) akan menjalankan usaha untuk melipat gandakan perolehan geran penyelidikan di

bawah dana FRGS dan Science Fund. Di samping itu, kita juga boleh memohon untuk mendapat geran dari dana Techno Fund. Sebenarnya dana untuk penyelidikan yang disediakan oleh Kerajaan di bawah RMK9 sangatlah besar iaitu melebihi RM 3 billion dan kita perlu melakukan pelbagai usaha dan bekerja kuat untuk mendapat seberapa banyak geran yang boleh. UNIC akan mengadakan bengkel khas untuk membimbing dan





membantu para penyelidik menyempurnakan permohonan geran penyelidikan dengan lebih mantap untuk meningkatkan peluang permohonan tersebut berjaya.

Pameran dan Pertandingan

Pada tahun 2006, KUTKM berjaya mendapat 1 pingat emas dan 2 pingat gangsa di pameran antarabangsa Geneva. Projek yang menang pingat emas iaitu "Air Pressure Plug" pula berjaya menarik perhatian syarikat yang bersetuju untuk mengkomersilkannya.

Pada tahun 2007, kita akan mengambil bahagian lagi dalam beberapa pameran dan pertandingan antarabangsa termasuk di Geneva, tetapi akan bersikap lebih memilih dengan menghantar hanya projek yang berkualiti untuk dipertandingkan.

Pada peringkat kebangsaan, persidangan dan pameran penyelidikan IPTA akan diadakan pada 9 - 10 Ogos 2007, di KLCC. Kita boleh menghantar seberapa banyak projek untuk dipertandingkan tetapi mestilah juga memberi perhatian kepada aspek kualiti.

Bagi universiti yang agak baru seperti UTeM kemenangan hadiah dan pingat di pameran dan pertandingan sudah tentu akan mengharumkan

nama universiti dan membantu menaikkan pengiktirafan masyarakat terhadap universiti.

Projek Perundingan

Pada tahun 2006, dalam perkhidmatan perundingan, kita telah menandatangani dua Memorandum Perjanjian (MoA) iaitu dengan:

- Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai Perunding pembekalan teknologi bagi projek Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kuantan bernilai RM6.7 juta
- Universiti Malaysia Sabah dalam pembangunan Sistem Maklumat Pelajar bernilai RM1.2 juta.

Pada tahun 2007, kita mensasarkan satu lagi projek perundingan besar iaitu dalam pembangunan Sistem Teknologi Maklumat kepada sebuah universiti di Indonesia. Projek yang diberi nama E-Kutai ini bernilai lebih kurang USD3 juta.





Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





PENGANTARABANGSAAN

Aspek pengantarabangsaan semakin penting dalam era globalisasi dan menjadi salah satu kriteria penilaian kedudukan sesebuah universiti.

Pelajar Antarabangsa

Setakat ini bilangan pelajar antarabangsa amat sedikit iaitu hanya 15 orang dari Indonesia, India dan Pakistan. Pada tahun 2007, kita akan meningkatkan promosi untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa dari beberapa negara, kerana kita dibenarkan mengambil sehingga 5% bagi program sarjana muda, manakala bilangan pelajar antarabangsa bagi program pasca siswazah tidak dihadkan.

Antara program yang boleh menarik minat pelajar antarabangsa ialah program MBA dan program bersama UTeM-Coventry University dalam Engineering Business Management dan Manufacturing System Engineering.

Staf Antarabangsa

Bilangan staf akademik antarabangsa juga perlu ditambah kerana kita boleh mengambil sebanyak 10% jumlah staf berkenaan. Peranan staf antarabangsa juga penting dalam mengisi kekosongan yanag timbul apabila kita menghantar staf tempatan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan kedoktoran.

Pada tahun 2007, kita akan membuat lagi pengambilan pensyarah kontrak terutamanya dari negara Indonesia dan Pakistan.

Kita juga boleh mengambil pensyarah kontrak dari negara maju seperti USA, UK, Australia, Jepun dan Eropah dengan membayar imbuhan yang menarik mengikut kaedah "bayaran untuk perkhidmatan". Ini telah dipersetujui oleh KPT dan membolehkan kita menawar imbuhan yang lebih menarik kepada ahli akademik yang berkaliber tinggi.




Perutusan'07

NAIB CANSOLOR

Hubungan dengan Universiti Luar Negara

Pada tahun 2006 KUTKM telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan 2 lagi universiti luar negara, iaitu:

- University of Sheffield (UoS), England
- Institut Teknologi Bandung (ITB), Indonesia.





Dengan itu kita mempunyai MoU dengan 6 universiti luar negara iaitu 2 United Kingdom, 2 Australia, 1 Germany dan 1 Indonesia.



Pada tahun 2007, hubungan dengan Technical University Berlin (TUB) akan dipertingkatkan kepada status 'antara Universiti dengan Universiti'. Ini menunjukkan universiti tersebut menghargai kerjasama dengan kita. Berhubung dengan itu, TUB telah mencadangkan kita secara bersama menawarkan "dual degree programme" khususnya dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik. Pelajar-pelajar yang mengikuti program ini akan mempunyai peluang belajar di UTeM dan di TUB dan akan mendapat ijazah dari kedua-dua universiti.

Untuk makluman semua, KUTKM dahulu menjadi ahli Technical University Colleges Network (TUCN) bersama dengan KUITTHO, KUKUM dan KUKTEM. Rangkaian ini akan dikekalkan tetapi memakai nama baru sempena penjenamaan semula kolej-kolej universiti tersebut. Rangkaian ini telah bersetuju untuk menjalin hubungan dengan rangkaian yang sama luar negara iaitu Australia Technology Network (ATN), dan rangkaian yang serupa di China dan Afrika Selatan.

Kita juga berpeluang menjalin hubungan dengan beberapa universiti di Jepun, kerana kita adalah ahli konsortium Malaysia Japan International University of Technology (MJUT) yang sedang dalam proses penubuhan. Sebanyak 16 universiti Jepun juga menjadi ahli konsortium berkenaan dan kita boleh menjalin hubungan kerjasama dengan mereka. Antara universiti-universiti Jepun yang termasuk dalam perancangan kita ialah Kyushu University, Shibaura Institute of Technology dan



HUBUNGAN UNIVERSITI Industri

Industrial Advisory Panel (IAP)

Pada tahun 2006, kita telah mengadakan mesyuarat pertama IAP dengan kehadiran semua ahli terdiri dari tokoh industri dari Jerman, Jepun, Australia, England dan Malaysia. Peranan utama IAP ialah memberi nasihat kepada universiti berkait dengan hala tuju dan pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan hubungan universiti dengan industri. Universiti juga boleh menggunakan khidmat ahli IAP sebagai perunding untuk sesuatu projek atau program khas.

Pada tahun 2007, mesyuarat kali kedua IAP akan diadakan sempena persidangan antarabangsa dalam bulan November.

Memorandum Persefahaman (MoU)

Pada tahun 2006, kita telah menandatangani MoU dengan:

- Mahr (Malaysia) Sdn Bhd
- DMDI International Education Sdn Bhd
- Imai Aero-Equipment Manufacturing Co. Ltd., Jepun.

Ini menjadikan bilangan rakan industri kita sebanyak 12 semuanya, termasuk 1 dari Jepun.



Pada tahun 2007, kita akan menambah lagi rakan industri tempatan dan luar negara. MoU dengan Anzag Sdn Bhd menanti untuk ditandatangani dan kita sedang berusaha untuk menjalin hubungan dengan sebuah syarikat pembuatan di Jerman. Yang penting dalam hubungan antara universiti dengan industri ialah pengisian kerjasama yang aktif. Dari itu, kita akan memantau kemajuan semua MoU dari masa ke semasa supaya aktif atau ditamatkan jika didapati sudah tidak relevan lagi.





Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





Pusat PEMBUATAN TERMAJU

Pada tahun 2006, Pusat Pembuatan Termaju (Advanced Manufacturing Centre – AMC) telah mendapat ruang yang selesa untuk beroperasi dan dilengkapi dengan 5-axis dan 3-axis machining centres, coordinate measuring machines dan beberapa measuring instruments. Mesin yang ada sahaja sudah boleh digunakan untuk membuat komponen-komponen keperluan industri. Pada tahun 2007, kita akan merealisasikan konsep kilang pengajaran dan pembelajaran (teaching and learning factory) dengan mengguna AMC dalam aktiviti pembuatan sebenar dan dalam masa yang sama menyediakan kemudahan latihan kepada pelajar dan staf. Pada tahun 2007 juga, peralatan dan mesin AMC akan ditambah dengan high precision cutting tools seperti yang telah dirancang.

AMC dilengkapi dengan mesin dan peralatan canggih serta mahal dan kita akan memastikan pusat ini beroperasi untuk memberi manfaat sepenuhnya kepada Universiti.





Perutusan'07
NAIB CANSOLOR

KOMPLEKS Pembuatan Dan Latihan

Universiti telah menetapkan bidang tujuhan dalam teknologi pembuatan termaju (*Advanced Manufacturing Technology – AMT*). Kita mahu pelajar mendapat pendidikan dan latihan yang berkesan dan terbaik supaya mereka menjadi graduan pilihan utama industri. Kita ingin mendedahkan mereka kepada suasana industri sebenar untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi.

Satu usaha besar yang sedang dirancang ialah pembinaan Kompleks Pembuatan dan Latihan dalam kawasan Kampus Induk. Kompleks ini akan menempatkan kilang pembuatan komponen industri dan kemudahan latihan yang diperlukan oleh industri. Ini satu projek signifikan yang boleh melonjakkan imej UTeM sebagai sebuah universiti teknikal yang memberi penekanan serius kepada aspek aplikasi dan amalan dan bekerjasama rapat dengan industri.








Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





PENUBUHAN SYARIKAT Holdings

Pada tahun 2006, penubuhan syarikat *holding* milik penuh Universiti telah mendapat kelulusan rasmi. Syarikat itu diberi nama KUTKM Holdings Sdn Bhd (KHSB). Nama syarikat ini akan diubah sempena nama baru Universiti. Segala aktiviti penjanaaan pendapatan sendiri akan dilakukan melalui syarikat ini. Kawalan dibuat oleh Jawatankuasa Induk Pelaburan dan Lembaga Pengarah Universiti berasaskan Garispuandu Pelaburan yang disediakan oleh KPT.

Syarikat ini telah merancang untuk menubuhkan beberapa syarikat usahasama bagi melaksanakan projek yang akan memberi hasil tambahan kepada Universiti. Kita perlu mengorak langkah supaya bersedia menampung 30% perbelanjaan operasi seperti yang disasarkan oleh KPT.

Antara aktiviti yang sedang dalam perancangan ialah pembangunan modul *e-learning* dan pembuatan komponen industri.





Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

HAL EHWAL Pelajar

Enrolmen

Pada tahun 2006 enrolmen pelajar ialah 5336 orang semuanya, termasuk 127 pelajar pasca siswazah.

Pada tahun 2007, bilangan yang akan tamat pengajian dijangka 1409 orang. Universiti merancang untuk mengambil 2250 pelajar baru terdiri dari 1800 sarjana muda dan 450 diploma. Bilangan pelajar pasca siswazah, yang kini terlalu rendah, perlu ditambah untuk mencapai sasaran 20% menjelang tahun 2010. Ini boleh dilakukan dengan melaksanakan Program Sarjana Melalui Kursus. Pada tahun ini, semua fakulti diminta membuat perancangan untuk menawarkan Program Mod Kursus pada tahun 2008. Enrolmen pada tahun 2007 dijangka akan mencecah 6300 orang.

Sukarelawan Polis

Aktiviti Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) telah dimulakan pada tahun 2006 dan akan ditingkatkan lagi pada tahun 2007. Kita juga akan meneruskan

usaha untuk menubuhkan pasukan PALAPES walaupun telah dua kali ditolak. Jika tidak berjaya mendapat PALAPES kerana alasan yang diberi ialah sudah terlalu banyak pasukan tersebut di IPTA, kita akan berusaha untuk mendapatkan pasukan Tentera Laut pula.

Pendedahan Luar Negara

Pada tahun 2006, 5 orang pelajar telah berada di Universiti Wuhan, China selama 1 bulan mengikuti program antarabangsa. Mereka melaporkan banyak faedah yang telah diperolehi.

Pendedahan pengalaman di luar negara amat berguna kepada pelajar tetapi kita menghadapi kesukaran untuk menghantar ramai pelajar disebabkan kekangan kewangan. Kaedah menabung telah dimulakan supaya pelajar dapat menampung sebahagian daripada kos.





Pada tahun 2007, kita merancang menghantar sekumpulan pelajar ke Eropah untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan.

Kemudahan Sukan dan Ko-Kurikulum

Pada tahun 2006 kita masih lagi banyak menyewa tempat dan kemudahan untuk melaksanakan aktiviti sukan dan ko-kurikulum. Kompleks Sukan yang dibangunkan di Kampus Induk siap 32% dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2007.

Tasik di Kampus Induk juga telah mula digunakan untuk sukan kayak. Aktiviti ini akan lebih tersusun dengan penubuhan Kelab Sukan Kayak yang telah diluluskan.





Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

SUMBER MANUSIA

Staf Akademik

Pada tahun 2006, Kita ada seramai 538 staf akademik dengan kelayakan berikut:

- PhD 33
- Sarjana 372
- Sarjana Muda 136.

Kita telah menghantar 79 orang melanjutkan pengajian iaitu 49 peringkat PhD dan 30 peringkat Sarjana. Dengan itu jumlah staf yang sedang melanjutkan pengajian ialah 110 peringkat PhD dan 52 peringkat Sarjana.

Pada tahun 2007, kita telah diberi 90 lagi jawatan akademik untuk diisi. Seramai 103 orang

akan dihantar melanjutkan pengajian iaitu 78 PhD dan 25 Sarjana.

Dalam hal ini kita melaksanakan perancangan untuk mencapai sasaran 50% staf akademik memiliki PhD pada tahun 2010.

Di samping itu, staf akademik juga disaran mengambil peluang skim sangkut industri yang diwujudkan untuk memberi peluang pendedahan dalam pengalaman bekerja di industri dan pengamalan profesional.

Semua staf akademik baru mesti mengikuti kursus pengajaran dan pembelajaran asas





anjuan PPP. Staf lain diberi peluang mengikuti kursus peringkat lanjutan dan lain-lain kursus yang boleh meningkatkan kemahiran mengajar kepada tahap tinggi.

Staf Pentadbiran dan Sokongan

Unit Pembangunan Sumber Manusia menganjurkan pelbagai latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran staf bukan akademik. Walau bagaimanapun, latihan yang diberi mestilah sesuai dengan keperluan kerja supaya hasilnya ketara dilihat dari segi kualiti kerja dan kecekapan pelaksanaan. Kita

tidak lagi boleh menjadikan staf baru sebagai alasan tidak cekap membuat kerja. Ini kerana universiti kita telah berusia lebih 6 tahun, iaitu satu tempoh masa yang cukup untuk kita menimba pengalaman dan membina keupayaan serta kecekapan dalam pentadbiran.

Pada tahun 2007, kita perlu menyelesaikan karenah pentadbiran dan memantapkan sistem dan peraturan supaya kemas dan berupaya mengharungi cabaran masa akan datang.





Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

Pembangunan KAMPUS

Kampus Induk

Pada tahun 2006, projek yang disambung ialah:

- Bangunan Canselori - 4% kemajuan
- Kompleks Sukan – 32% kemajuan
- Kafeteria Staf – 99 % kemajuan

Semua projek tersebut dijangka siap pada tahun 2007. Projek lain di bawah RMK9 akan dimulakan pada tahun 2007 kerana kita merancang untuk menggunakan keseluruhan bajet yang diperuntukkan iaitu sebanyak RM360 juta pada tahun 2008. Setelah itu kita akan membuat permohonan tambahan bajet untuk melengkapkan pembangunan kampus induk sepenuhnya.

Kampus Bandar

Kita telah mula menyewa Kampus Bandar pada bulan Ogos 2006, tetapi masih belum dapat menggunakannya kerana kelewatan kerja pemuliharaan dan pengubahsuaian. Diharap kerja tersebut dapat dilakukan segera supaya kita boleh menempatkan beberapa pusat tanggungjawab di sana. Satu pusat tanggungjawab baru iaitu Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (Life long Learning Centre) akan ditempatkan di Kampus bandar.



Kampus Industri

Sebahagian besar universiti bertempat di Kampus Industri yang bersifat sementara dan akan pindah ke Kampus Induk secara berperingkat mengikut kemajuan pembangunan di sana.





Perutusan'07 NAIB CANSOLOR

ISU & CABARAN

Sumber Manusia

Sebagai sebuah universiti baru kita menghadapi masalah kekurangan staf yang berkecukupan tinggi dan berpengalaman. Kita tidak menghadapi masalah untuk mengisi jawatan sama ada akademik mahupun sokongan, tetapi sebahagian besar staf yang diambil adalah baru dan kurang berpengalaman.

Program cuti belajar yang menyediakan dana yang besar perlu dimanfaatkan sepenuhnya dan latihan kemahiran perlu dirancang rapi supaya berkesan. Di samping itu, staf mesti sanggup bekerja keras dan saling membantu antara satu sama lain.





Kediaman Pelajar

Kampus Induk telah mula beroperasi pada awal tahun 2005 dan sekarang mempunyai 2000 pelajar. Walau bagaimanapun, asrama dalam kampus masih belum ada. Kerja pembinaan asrama mengikut kaedah Built-Lease-Maintain- and Transfer (BLmT) telah dirunding lebih 2 tahun tetapi pembinaan masih belum bermula.

Semua pelajar tinggal jauh dan dekat di beberapa kawasan berlainan di luar kampus. Ini menimbulkan masalah dari segi perjalanan ulang alik antara tempat kediaman dan kampus yang tidak dapat diatasi sepenuhnya dengan perkhidmatan bas yang ada.

Perkhidmatan bas ulang alik antara kolej kediaman dan kampus sekarang telah dipindahkan dari Pejabat Pembangunan kepada Pejabat Hal Ehwal Pelajar untuk tujuan penambahbaikan. Di samping itu, perkhidmatan bas oleh syarikat swasta juga akan dilaksanakan.

Pembinaan asrama konsep BLmT melibatkan penempatan 3060 pelajar perlu dimulakan segera dan kerana keperluan yang mendesak.

Kekurangan Bajet RMK-9

KUTKM telah ditubuhkan pada tahun 2000. Setelah 6 tahun, Kampus Induk hanya siap dengan kerja tanah keseluruhan dan 2 buah fakulti sahaja kerana masalah tidak cukup peruntukan.

Dengan bajet RMK-9, pembangunan disambung semula. Bagaimana pun, kita kekurangan RM200 juta untuk membangunkan Kampus Induk dengan lengkap.

Strategi Universiti ialah menghabiskan pakai bajet RMK-9 yang diberi dengan menyiapkan pembangunan dirancang pada tahun 2008 dan memohon tambahan bajet untuk baki pembangunan. Jika diluluskan Kampus Induk dijangka boleh siap sepenuhnya pada tahun 2010.



Perutusan'07

NAIB CANSOLOR





PENUTUP

Pelan strategik menggariskan sasaran yang perlu dicapai dalam tempoh antara 2006- 2010 untuk menempa kecemerlangan dan menuju ke arah merealisasikan visi Universiti. Setiap PTj hendaklah menyediakan sasaran kerja tahunan (SKT) yang berpandukan pelan strategik yang telah digubal dan seterusnya menterjemahkan tindakan dalam bentuk program dan aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2007.

Selaras dengan nama baru, pembangunan UTeM kini berada di peringkat penting memerlukan tumpuan fokus sepenuhnya dari setiap staf. Kita mengambil maklum kenyataan KPT bahawa tahun 2007 adalah tahun pelaksanaan setelah membuat perancangan pada tahun 2006.

Kita juga mengambil maklum betapa pentingnya program pembangunan modal insan di bawah RMK-9 yang sering ditekankan oleh YAB Perdana Menteri. Universiti mempunyai peranan utama dan penting dalam perkara ini dan kita mesti menunaikan tanggungjawab.

Untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan semua staf perlu menggembeling tenaga, bersatu padu, dan bekerjasama antara satu dan lain dalam satu pasukan. Hubungan baik sesama sendiri dan suasana kerja yang harmoni menyumbang kepada kesihatan mental dan fizikal dengan meringankan tekanan yang dihadapi dan meningkat kesejahteraan kita semua. Kesannya sangat baik bagi pembangunan dan kemajuan Universiti.

Aakhir kata saya mengucapkan kepada semua warga UTeM, Selamat Maju Jaya Dalam Tahun 2007.

Sekian, terima kasih. Mohillahi, Taufik, Walhidayah Wassalamualaikum wrt. wbt.